



Bank Pilihan Anda

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Akaun Deposit-i Berjangka. Pastikan anda juga membaca terma dan syarat bagi produk ini.		BANK RAKYAT AKAUN DEPOSIT-i BERJANGKA TARIKH: _____
1. Apakah yang perlu saya ketahui mengenai produk ini?		
Akaun Deposit-i Berjangka adalah produk deposit berjangka yang berlandaskan konsep Syariah Tawarruq (Komoditi Murabahah). Produk deposit ini membayar kadar keuntungan tetap pada tempoh matang atau secara berperingkat tertakluk kepada ciri dan jenis akaun.		
2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?		
<ul style="list-style-type: none">• Konsep Syariah yang digunakan adalah Tawarruq Dua Wakalah di mana Bank dilantik sebagai ejen (selepas penyempurnaan kontrak Wakalah oleh pelanggan) untuk melaksanakan dan menyelesaikan transaksi Tawarruq melalui platform komoditi.• Bank akan membeli komoditi daripada pembekal komoditi bagi pihak pelanggan (berdasarkan konsep Wakalah Bil Ujrah yang telah dipersetujui) dan seterusnya membeli komoditi tersebut daripada pelanggan (Bank sebagai wakil jualan kepada pelanggan berdasarkan konsep Wakalah) dengan harga Murabahah (jualan pada harga melebihi kos) secara tangguh.		
3. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?		
Deposit minimum	<ul style="list-style-type: none">• RM5,000 bagi tempoh 1 bulan.• RM500 bagi tempoh 2 ke 60 bulan.	
Tempoh deposit	<ul style="list-style-type: none">• 1 ke 60 bulan.• Bagi tempoh melebihi 60 bulan, tertakluk kepada kelulusan Bank.	
Keuntungan	<ul style="list-style-type: none">• Kadar keuntungan ditetapkan ketika pembukaan akaun dan pembaharuan secara automatik berdasarkan kadar keuntungan semasa Bank seperti yang dipaparkan di cawangan-cawangan.• Formula bagi pengiraan keuntungan adalah seperti berikut: <div style="border: 1px solid black; padding: 5px; width: fit-content; margin: 5px auto;">$\text{Prinsipal (RM)} \times \text{Kadar Keuntungan (\%)} \times \frac{\text{Tempoh}}{365 \text{ days}}$</div>• Tempoh ditetapkan ketika penempatan deposit.	
4. Apakah syarat-syarat utama mengenai produk ini yang perlu saya ketahui?		
Pembukaan akaun	<ul style="list-style-type: none">• Akaun boleh dibuka di mana-mana cawangan Bank Rakyat termasuk Rakyat Xcess dan Ar-Rahnu X'Change.• Bagi deposit melalui cek, akaun dibuka setelah cek dilunaskan.	
Pembaharuan automatik	<ul style="list-style-type: none">• Akaun boleh diperbaharui secara automatik setelah tempoh matang.• Konsep Tawarruq Dua Wakalah terpakai bagi pembaharuan automatik.	

Bayaran pada tarikh matang	<ul style="list-style-type: none"> • Harga jualan (prinsipal dan keuntungan) atau bahagian keuntungan (dalam kes pembaharuan automatik yang melibatkan prinsipal sahaja) akan dikreditkan ke dalam Akaun Simpanan-i atau Akaun eSemasa-i ("CASA-i") dengan Bank atau institusi kewangan lain seperti arahan kecuali bagi Pelanggan yang memilih bayaran keuntungan secara bulanan, pihak Bank akan membayar prinsipal dan keuntungan bulan terakhir. • Bagi sebarang pembayaran/ pindahan kepada pihak ketiga, surat rasmi perlu disediakan dan ditandatangani oleh penandatangan yang dibenarkan. • Pembayaran secara tunai adalah tidak digalakkan, namun, cawangan Bank boleh membenarkan pembayaran secara tunai di kaunter dengan proses pengesahan standard. • Sekiranya arahan bayaran tidak dibekalkan atau pembayaran kepada pelanggan gagal dilaksanakan ekoran apa jua sebab, pihak Bank berhak melakukan pembaharuan automatik ke atas keseluruhan deposit berdasarkan kadar keuntungan semasa Bank.
Pengeluaran pramatang	<ul style="list-style-type: none"> • Pengeluaran pramatang secara penuh sahaja dibenarkan. • Berkuat kuasa 1 Januari 2019, pelanggan bersetuju bahawa tiada keuntungan kontrak dibayar kepada Pelanggan berdasarkan konsep Tanazul. • Sekiranya Pelanggan memilih untuk menerima bayaran keuntungan secara bulanan, Bank mempunyai hak untuk membuat pelarasan ke atas keuntungan bulanan dan / atau jumlah prinsipal Akaun Deposit-i Berjangka.
Akta Wang Tak Dituntut 1965	<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan dinasihatkan agar memastikan sijil Akaun Deposit-i Berjangka berstatus aktif kerana ia adalah keperluan di bawah Akta Wang Tak Dituntut 1965 bahawa wang di dalam akaun yang berbaki kredit yang tidak dikendalikan selama tempoh tujuh (7) tahun mesti diwartakan sebagai "Wang Tidak Dituntut", dan selepas itu akan dihantar ke Akaun Amanah Yang Disatukan yang diselenggarakan oleh Kerajaan Malaysia.
5. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?	
<ul style="list-style-type: none"> • Tiada kos pemprosesan dikenakan semasa pembukaan akaun ini. • Sijil Akaun Deposit-i Berjangka yang asal hendaklah disimpan di tempat yang selamat pada setiap masa. Kos setem bernilai RM10 untuk surat ganti rugi akan ditanggung oleh pelanggan sekiranya pelanggan kehilangan Sijil tersebut. 	
6. Apakah risiko yang perlu saya tanggung?	
Bank bukan merupakan ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM), oleh itu, deposit ini tidak dilindungi oleh PIDM.	
7. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya berlaku perubahan pada maklumat peribadi saya?	
<ul style="list-style-type: none"> • Pelanggan perlu menghubungi kami dengan segera jika terdapat perubahan terhadap maklumat peribadi bagi memastikan sebarang bentuk komunikasi dapat dihantar tepat pada masanya. • Sila hubungi Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454 atau kunjungi mana-mana cawangan untuk mengemaskinikan maklumat peribadi. 	



Bank Pilihan Anda

<p>8. Di manakah saya boleh memperoleh maklumat lanjut?</p> <p>Sila rujuk risalah produk untuk butiran terperinci atau layari www.bankrakyat.com.my</p>	<p>Sebarang cadangan dan pertanyaan anda boleh disalurkan ke:</p> <p>Pusat Panggilan tele-Rakyat di talian 24 jam (1-300-80-5454)</p> <p>7:30 pagi hingga 9:30 malam Talian dibuka untuk semua pertanyaan.</p> <p>9:30 malam hingga 7:30 pagi Talian dibuka terhad untuk menyemak status permohonan, urusan perbankan internet dan melaporkan kehilangan kad</p>	<p>Anda boleh membuat aduan dengan menghubungi:</p> <p>Pusat Panggilan di talian 1-300-80-5454</p> <p>atau menghantar aduan anda ke: Unit Biro Aduan Awam, Khidmat Pelanggan, Tingkat 9, Menara 1, Menara Kembar Bank Rakyat, No. 33, Jalan Rakyat, 50470 Kuala Lumpur</p> <p>atau e-mel ke: aduan@bankrakyat.com.my.</p> <p>atau hubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di: Blok D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur Tel: 1-300-88-5465 Fax: 03-21741515 E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
---	---	---

- Produk ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Syariah Bank Rakyat pada 22 Jun 2012.
- Maklumat yang dinyatakan di dalam Helaian Pendedahan ini sah pada 12 Mei 2022.